

## Analisis Personaliti DiSC

Fahami Manusia, Memimpin Komunikasi, Bina Pasukan Berprestasi Tinggi

INSAN360 DISC Profiling ialah sistem analisis tingkah laku untuk membantu organisasi memahami gaya kerja, cara komunikasi, motivasi, tekanan dan potensi pembangunan individu serta pasukan.



## Untuk organisasi yang mahu membina budaya kerja lebih jelas, harmoni dan produktif.

Kami percaya bahawa memahami diri dan manusia adalah asas kepada budaya organisasi yang sihat, produktif dan berprestasi tinggi. Apabila seseorang individu berasa difahami, dihargai dan ditempatkan mengikut kekuatan semula jadinya, mereka berasa lebih bermotivasi, lebih terlibat dan lebih bersedia untuk memberikan sumbangan terbaik kepada organisasi.

Namun, membina kefahaman ini memerlukan pendekatan yang lebih mendalam daripada sekadar mengenal personaliti. Ia perlu digabungkan dengan analisis tingkah laku, refleksi sendiri, kefahaman terhadap orang lain, serta bimbingan berterusan supaya perubahan yang berlaku benar-benar memberi kesan kepada cara berfikir, berkomunikasi dan bekerjasama.

Di sinilah Analisa Personaliti INSAN360 memainkan peranannya. INSAN360 adalah analisis personaliti komprehensif yang mudah difahami dan berimpak tinggi, membantu individu mengenali gaya personaliti, kekuatan, cabaran dan kecenderungan tingkah laku mereka dalam kehidupan serta persekitaran kerja.

Melalui INSAN360, individu bukan sahaja memahami siapa diri mereka, tetapi juga belajar memahami orang lain dengan lebih matang. Hasilnya, mereka mampu membina hubungan yang lebih baik, meningkatkan komunikasi, mengurangkan konflik dan bekerjasama dengan lebih berkesan setiap hari.

### Kesedaran Diri

Peserta dapat memahami kecenderungan diri, gaya komunikasi, serta dapat memberi reaksi kepada tekanan dan kekuatan secara semula jadi.

### Wawasan Pasukan

Organisasi dapat mengenal pasti corak pasukan, risiko konflik, jurang komunikasi dan potensi sinergi.

### Pelan Tindakan

Hasil penilaian dan pentaksiran individu dapat diterjemahkan kepada strategi komunikasi, coaching dan pelan pembangunan diri serta organisasi.

# Apa Itu DiSC dan Bagaimana INSAN360 Membacanya?

Personaliti Gaya DiSC ialah satu model yang ringkas tetapi berkuasa menerangkan empat gaya tingkah laku asas, iaitu D, i, S dan C. Model ini menjadi asas kepada Sistem Analisis Personaliti INSAN360.




Setiap individu adalah gabungan daripada keempat-empat gaya DiSC ini. Biasanya, satu, dua ataupun bahkan tiga gaya akan lebih menonjol dalam diri seseorang. Setiap individu mempunyai profil tingkah laku yang unik, dengan gaya dan keutamaan yang berbeza. Tiada satu gaya yang lebih baik atau lebih buruk berbanding gaya yang lain.

Kami percaya bahawa perbezaan gaya ini mempunyai nilai yang sangat besar. Apabila anda mampu menilai perbezaan tersebut dan mememanfaatkannya dengan baik, komunikasi di tempat kerja yang lebih berkesan serta organisasi yang lebih sihat dapat dibina.



# Pendekatan INSAN360: Tiga Lapisan Bacaan Profil

INSAN360 tidak berhenti pada label personaliti. Ia menterjemahkan data DiSC kepada bahasa pembangunan manusia supaya individu lebih sedar diri, pemimpin dapat membimbing dengan lebih efektif, dan pasukan lebih mudah bekerjasama.



1

## Public Self / Penstabilan

Cara seseorang menyesuaikan diri dalam peranan, tuntutan kerja dan jangkaan organisasi.

2

## Private Self / Pengubahsuaian

Kecenderungan dalaman yang lebih peribadi, termasuk motivasi dan tekanan semula jadi.

3

## Perceived Self / Semula jadi

Corak tingkah laku semula jadi yang sering muncul apabila individu lebih autentik atau spontan.

## Prinsip Utama

Setiap individu adalah gabungan D, i, S dan C. Tujuan penilaian bukan untuk melabel, tetapi membina 'kod bahasa' yang sama bagi memahami perbezaan, menyesuaikan komunikasi dan meningkatkan prestasi kerja.

# Output INSAN 360

Sesuai untuk penilaian dan pentaksiran individu, bengkel pasukan, pembangunan kepimpinan, coaching, mentoring dan program transformasi budaya kerja.

## Laporan

Laporan profesional yang menerangkan gaya DiSC, keutamaan kerja, motivasi, stressor, gaya komunikasi dan cadangan pembangunan.

## Graf

Bacaan visual DiSC bagi memahami pola dominan, adaptasi tingkah laku dan potensi jurang antara gaya semula jadi dan gaya kerja.

## Pasukan

Ringkasan profil ahli pasukan bagi melihat kekuatan secara kolektif, mengelak risiko salah faham, membina budaya komunikasi efektif dan melihat keperluan intervensi.

## Coaching

Sesi tafsiran laporan bagi menukarkan dapatan penilaian dan pentaksiran kepada pelan tindakan individu, pasukan dan kepimpinan.

## Model Pelaksanaan Korporat

### 1 Penilaian Online

Peserta menjawab Analisis Personaliti INSAN360 dan data diproses bagi menghasilkan profil tingkah laku.

### 2 Laporan & Graf

Peserta menerima laporan profil dan bacaan graf bagi memahami kekuatan, risiko dan gaya kerja.

### 3 Debrief & Ulasan

Fasilitator membimbing peserta memahami laporan, membaca gaya orang lain dan membina penyesuaian komunikasi.

### 4 Pelan Tindakan

Individu dan pasukan menyusun pelan aplikasi untuk membina strategi komunikasi, kepimpinan dan prestasi kerja.

## Sesuai Untuk

- Pemimpin dan pengurus pasukan
- Jabatan HR, L&D dan Talent Management
- Unit latihan kerajaan dan korporat
- Program team building dan retreat
- Coaching kepimpinan dan komunikasi
- Onboarding kakitangan baharu

## Pilihan Intervensi

- Penilaian secara individu
- Penilaian secara pasukan
- Bengkel aplikasi DiSC 1 hari
- Coaching individu berasaskan laporan
- Pemetaan pasukan dan laporan kumpulan
- Program pensijilan dalaman untuk organisasi

## Mengapa INSAN360?

Organisasi cemerlang bukan hanya memerlukan keputusan penilaian dan pentaksiran individu, mereka perlu membina kefahaman ahli organisasi, kod bahasa yang sama, strategi interaksi dan pelan pembangunan yang dapat diamalkan dalam suasana kerja sebenar.

## Sedia Membina Pasukan Yang Saling Memahami, Mempunyai Kod Bahasa Sama dan Berprestasi Tinggi?

Hubungi pasukan INSAN360 untuk sesi pengenalan, sampel laporan, cadangan pakej penilaian dan pentaksiran ataupun program pembangunan insan dan pasukan.

## HUBUNGI KAMI:

FINE Training Academy Sdn Bhd  
9-2 Jalan Wangsa Setia 3,  
Wangsa Melawati  
53300 Kuala Lumpur  
HOTLINE : (+6) 011 5877 9802  
WEB : [www.insan360.my](http://www.insan360.my)